ENGLISH | BAHASA MALAYSIA | 中文

**Allianz**

**BIKE WARRIOR**



# Teman setia *Superbikers* sepanjang perjalanan

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** 200601015674 (735426-V)
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia
Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

# Sebab utama kenapa anda memerlukan Bike Warrior

**Pertama Di Pasaran** untuk memenuhi keperluan pemilik 'Superbike'

**24 jam** khidmat tunda kecemasan & pembaikan kerosakan kecil di tepi jalan

Pampasan **RM20,000** dan berganda jika kemalangan berlaku pada cuti umum seluruh negara

**Perlindungan banjir** sehingga RM1,500 bagi kos pembaikan akibat banjir



## Jadual manfaat

| Program Bantuan Motosikal | Jumlah Yang Diinsuranskan (RM) |
|---|---|
| Khidmat Tunda Kecemasan 24 Jam | Sehingga 600km (dua hala) |
| Pembaikan Kerosakan Kecil Di Tepi Jalan | Maksimum 2 jam setiap kejadian |
| Bantuan Teksi | Sehingga 400 |
| Bantuan Kereta Sewa | Sehingga 400 |
| Bantuan Penginapan Hotel | Sehingga 400 |
| Bantuan Evakuasi Kecemasan | Ada |
| Rujukan Pusat Servis | Ada |
| Penghantaran Mesej Kecemasan | Ada |
| **Manfaat Kemalangan Diri** | |
| Kematian akibat kemalangan / Hilang Upaya Kekal | 20,000 |
| Belanja Perubatan | Sehingga 2,000 |
| Perkabungan | 500 |
| Pampasan Berganda | Dua kali ganda Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan |
| Pembedahan Pembetulan kosmetik | Sehingga 1,000 |
| Pendapatan Hospital (sehingga 60 hari) | 50 sehari |
| Bonus Pembaharuan (setahun) | 10% setahun (sehingga maksimum 50%) |
| **Manfaat Tambahan** | |
| Perlindungan Belas Kasihan | 10% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan (maksimum RM3,000) |
| Perlindungan Banjir | 1,500 |
| **Premium Tahunan** | **140** |

Sila tambah RM10 untuk duti setem.
Premium tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

## Program bantuan motosikal

Program ini menawarkan pelbagai perkhidmatan yang sangat komprehensif, 24/7 sepanjang tahun di mana sahaja di Malaysia (tidak termasuk kepulauan kecuali untuk Pulau Pinang dan Langkawi). Apa yang perlu anda lakukan adalah membuat panggilan ke Talian Bebas 24 jam untuk mendapatkan perkhidmatan berikut.

### Khidmat Tunda Kecemasan 24 Jam

Jika berlakunya kemalangan dan sekiranya mustahil untuk memperbaiki motosikal dengan segera, Allianz atau pembekal perkhidmatan akan membantu untuk menunda motosikal samada ke rumah Pihak Diinsuranskan/penunggang atau ke bengkel pilihan sendiri, sehingga jarak 600km (dua hala).

Pihak Diinsuranskan/penunggang akan dikenakan bayaran kos tunda tambahan jika perjalanan dua hala melebihi 600km. Tambahan kos tunda adalah lebih kurang RM1.50 per km. Namun, kos tunda akan berubah-ubah mengikut kadar di pasaran.

### Pembaikan Kerosakan Kecil Motosikal Di tepi Jalan

Allianz atau pembekal perkhidmatan akan mengatur dan membayar kos tenaga kerja untuk pembaikan di tepi jalan sehingga kerja maksimum 2 jam untuk setiap kejadian.



Allianz atau pembekal perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab atas segala kos yang dikeluarkan untuk alat ganti yang diperlukan semasa pembaikan kerosakan kecil motosikal di tepi jalan.

### Bantuan Teksi

Jika berlaku kerosakan, Allianz atau pembekal perkhidmatan akan membantu untuk mendapatkan khidmat teksi sekiranya diperlukan. Pihak Diinsuranskan/penunggang akan dibayar balik sehingga jumlah maksimum RM60.

### Mengaturkan Kereta Sewa dan Penginapan Hotel

Jika berlaku kerosakan, Allianz atau pembekal perkhidmatan akan membantu untuk mengaturkan kereta sewa dan penginapan hotel sekiranya diperlukan. Pihak Diinsuranskan/penunggang akan dibayar balik sehingga jumlah maksimum:

- Kereta sewa sehingga RM400
- Penginapan hotel sehingga RM400

Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal berhak untuk mendapatkan bayaran balik jika motosikal terkandas dalam lingkungan 100km dari alamat rumah dan pembaikan akan mengambil masa lebih dari 48 jam.

Resit asal harus disimpan untuk mendapatkan bayaran balik, terhad sehingga 3 kali dalam setahun.

### Bantuan Evakuasi Kecemasan

Jika berlaku kecemasan akibat kerosakan atau kemalangan dan bantuan perubatan diperlukan, Allianz atau pembekal perkhidmatan akan membantu mengaturkan khidmat ambulans atau pengangkutan lain untuk menghantar Pihak Diinsuranskan/penunggang dan/atau pembonceng ke pusat perubatan atau hospital yang terdekat. Segala kos yang terlibat harus ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang dan/atau pembonceng.

### Rujukan Pusat Servis

Pihak Diinsuranskan/penunggang boleh menghubungi Allianz atau pembekal perkhidmatan untuk mengaturkan rujukan ke pusat servis terdekat bagi tujuan servis atau pembaikan motosikal. Allianz atau pembekal perkhidmatan juga boleh mengaturkan temujanji sekiranya diperlukan. Segala kos yang terlibat harus ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang.

### Penghantaran Mesej Kecemasan

Dalam keadaan kecemasan akibat kerosakan atau kemalangan melibatkan kenderaan anda, Allianz atau pembekal perkhidmatan akan membantu menghubungi keluarga anda dan memberitahu mereka tentang keadaan anda jika anda meminta berbuat demikian.

## Manfaat kemalangan diri

### Kematian/Hilang Upaya Kekal

Membayar Jumlah Yang Diinsuranskan sebanyak RM20,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan. Manfaat ini juga melindungi Pihak Diinsuranskan 24 jam sehari tanpa mengira sama ada Pihak Diinsuranskan sedang menunggang motosikal itu atau tidak.

### Perbelanjaan Perubatan

Membayar sehingga RM2,000 untuk perbelanjaan perubatan yang termasuk penginapan bilik hospital, klinikal, rawatan perubatan dan pembedahan akibat sesuatu kemalangan yang melibatkan motosikal tersebut.

### Perkabungan

Membayar RM500 sebagai elaun kematian kepada keluarga Pihak Diinsuranskan/penunggang dan/atau pembonceng sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan yang melibatkan motosikal tersebut.

### Pampasan Berganda

Membayar dua kali ganda Jumlah Pokok Yang Diisuranskan jika mengalami kuadraplegia kekal atau lumpuh menyeluruh dari leher ke bawah atau kematian jika kemalangan yang melibatkan motosikal tersebut berlaku pada cuti umum di seluruh Malaysia.

### Pembedahan Pembetulan Kosmetik

Membayar sehingga RM1,000 untuk bayaran yang dikenakan untuk pembedahan pembetulan kosmetik pada bahagian leher atau kepala akibat kemalangan yang melibatkan motosikal tersebut.

### Pendapatan Hospital

Membayar manfaat harian sebanyak RM50 (sehingga maksimum 60 hari) untuk tempoh penghospitalan akibat kemalangan yang melibatkan motosikal tersebut.

### Bonus Pembaharuan

Membayar Bonus Pembaharuan pada kadar 10% setiap tahun tambahan kepada bayaran Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan berhubung dengan tuntutan yang dibuat di bawah Polisi ini, tertakluk kepada maksimum 50%.

## Manfaat tambahan

### Perlindungan Belas Kasihan

Membayar jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas motosikal tersebut jika berlaku kehilangan menyeluruh atau tuntutan kecurian, tertakluk kepada jumlah maksimum RM3,000.

### Perlindungan Ehsan Akibat Banjir

Membayar sehingga RM1,500 bagi kos pembaikan ke atas motosikal tersebut jika berlaku kerosakan akibat banjir.

Untuk tuntutan bagi kerosakan akibat banjir, dokumen-dokumen seperti laporan polis, resit asal, gambar motosikal sebelum dan selepas pembaikan diperlukan untuk pembayaran balik.

## Kelayakan

1. Pemilik motosikal berumur di antara 16 tahun hingga 80 tahun.
2. Motosikal berkapasiti enjin 250cc dan ke atas.

## Pengecualian

Manfaat Program Bantuan Motosikal hanya akan diberikan kepada motosikal yang berdaftar dengan Allianz atau pembekal perkhidmatan. Allianz atau pembekal perkhidmatan tidak akan memberikan perkhidmatan berkenaan dengan atau dalam keadaan berikut:

1. Perkhidmatan yang tidak dikendalikan secara langsung atau diluluskan terdahulu oleh Allianz atau pembekal perkhidmatan.
2. Kos perkhidmatan yang boleh dituntut di bawah Polisi Insurans Motor.
3. Setiap bayaran bagi kenderaan dan peralatan dan kos pembaikan di mana-mana pusat bengkel atau pusat perkhidmatan.
4. Jika motosikal tersebut telah atau pernah diubahsuai untuk penyertaan dalam perhimpunan atau perlumbaan atau telah diubahsuai dan melanggar undang-undang.
5. Perkhidmatan di luar syarat Had Wilayah yang ditetapkan.
6. Kegagalan Pihak Diinsuranskan/penunggang dan/atau pembonceng mengambil tindakan munasabah untuk memastikan motosikal tersebut berada di tempat yang selamat jika berlaku apa-apa kejadian mogok, rusuhan atau kekecohan awam.
7. Sebarang tindakan oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang dan/atau pembonceng untuk tujuan yang melanggar atau menyalahi undang-undang.
8. Jika motosikal dinamakan untuk tujuan perdagangan.
9. Apabila kunci motosikal tersebut tidak dapat dijumpai.
10. Apabila tiada bahagian mekanikal dalam motosikal tersebut, seperti tiada enjin atau transmisi.
11. Menunda motosikal tersebut bagi tujuan melupuskan motosikal tersebut.
12. Menunda motosikal tersebut dengan tujuan memindahkan kenderaan dari satu bengkel ke bengkel yang lain.
13. Tiada cukai jalan yang sah untuk motosikal tersebut.
14. Menunda motosikal curi yang telah ditemui, ditinggalkan atau kerana vandalisme.
15. Motosikal tersebut yang telah dibongkar seluruhnya atau sebahagian di bengkel.
16. Menunda kenderaan yang lebih besar daripadanya yang dibenarkan/ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi pengeluar.
17. Menunda motosikal yang mempamerkan nombor pendaftaran yang tidak sepadan dengan nombor yang didaftar dengan Allianz atau pembekal perkhidmatan.
18. Jika motosikal mengalami kerosakan mekanikal dan tersadai di permukaan jalan yang tidak berturap atau selain daripada jalan raya dari sistem jalan raya Malaysia.
19. Jika motosikal memerlukan penggunaan peralatan khusus ketika mendapatkan semula motosikal tersebut.
20. Perang, perang saudara, bunuh diri, melahirkan, keguguran, tidak siuman (kecuali yang disebabkan semata-mata dan langsung dengan cara sengaja ke atas pemandu dan/atau penumpang akibat kemalangan ketika sedang memandu, berada di dalam, menaiki atau turun dari kenderaan), penyakit, berada di bawah pengaruh minuman keras atau dadah, kenderaan yang digunakan untuk menyewa, perlumbaan, "pacemaking" atau menjalankan perniagaan haram dan pemandu yang tidak memegang lesen memandu yang sah. Sila rujuk kepada polisi bagi senarai penuh pengecualian.

Risalah ini adalah sah mulai 1 November 2024.

Risalah ini bukanlah suatu Kontrak Insurans. Penjelasan tentang perlindungan yang disediakan hanyalah suatu keterangan yang ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Semua terma, manfaat, syarat dan pengecualian yang dipakai terdapat dalam Polisi.

Hubungi kami untuk maklumat lanjut:

AZ04/25